

14/08/2000

Isu MB tidak jejas sambutan Hari Kebangsaan

KLANG, Ahad - Sambutan Hari Kebangsaan ke-43 yang ditetapkan berlangsung di Shah Alam, 31 Ogos ini, tidak akan terjejas dengan peletakan jawatan secara mengejut Datuk Seri Abu Hassan Omar, 9 Ogos lalu.

Sebaliknya, jawatankuasa khas sambutan Hari Kebangsaan terus menyusun pelbagai program dan acara menarik bagi meraikan hari bersejarah itu apatah lagi buat kali pertama Selangor menjadi tuan rumah.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad, berkata semua persiapan Hari Kebangsaan dilakukan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ambrin Buang dengan kerjasama Jawatankuasa Pelaksanaan Merdeka.

Beliau berkata, jawatankuasa itu ditubuhkan untuk memantau semua persiapan menjelang Hari Kemerdekaan yang akan diadakan di Shah Alam.

"Program dan aktiviti bagi menyambut hari bersejarah itu yang bermula Isnin ini akan berlangsung seperti biasa walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih belum mengumumkan Menteri Besar baru," katanya di sini, hari ini.

Ditanya sekiranya Menteri Besar baru tidak diumumkan sebelum 31 Ogos ini, Dr Zainal Abidin berkata, terdapat tanda-tanda Menteri Besar baru akan diumumkan tidak lama lagi.

Bagaimanapun, beliau berkata, sama ada Menteri Besar baru sudah dilantik atau tidak, sambutan itu akan berjalan mengikut jadual kerana Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah sudah berpuas hati dengan persiapan yang dilakukan.

Mengenai pentadbiran kerajaan negeri, beliau berkata, semua kerja pentadbiran negeri berjalan seperti biasa dengan pengawasan dan seliaan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Beliau memberitahu, mesyuarat Ahli Majlis Kerajaan Negeri (Exco) dan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri yang diadakan setiap Rabu ditangguhkan buat sementara kerana hanya Menteri Besar yang boleh mempengerusikan mesyuarat itu.

(END)